



19 Jun 2012
19 June 2012
P.U. (A) 184

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN)
(NO. 3) 2012

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2012**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“pusat pengurusan perbendaharaan” ertinya suatu syarikat yang—

(a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia;

(b) menjalankan perniagaan penyediaan perkhidmatan kewangan dan pengurusan dana yang layak di Malaysia sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri; dan

(c) diluluskan oleh Menteri apabila memenuhi syarat yang ditentukan olehnya.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan seorang individu bukan warganegara daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh daripada suatu penggajian dengan suatu pusat pengurusan perbendaharaan.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (3), amaun pendapatan yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) berkenaan dengan penggajian yang dijalankan di luar Malaysia hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A \times B}{C}$$

apabila A ialah pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu tahun taksiran yang berkaitan dengan suatu pusat pengurusan perbendaharaan;

B ialah bilangan hari dalam tahun taksiran yang individu itu dalam penggajian dengan pusat pengurusan perbendaharaan yang dijalankan di luar Malaysia; dan

C ialah bilangan hari dalam tahun taksiran yang individu itu dalam penggajian dengan pusat pengurusan perbendaharaan.

(3) Jika individu bukan warganegara itu mempunyai punca pendapatan selain penggajian dengan pusat pengurusan perbendaharaan itu, pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{D \times E}{F}$$

apabila D ialah pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu tahun taksiran;

E ialah pendapatan kasar daripada penggajian dengan pusat pengurusan perbendaharaan bagi suatu tahun taksiran; dan